

09 JAN 2002

Koizumi-lawatan/I

JEPUN BANTU GIATKAN DASAR PANDANG KE TIMUR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Jepun akan membantu Malaysia menggiatkan Dasar Pandang Ke Timur, satu tajuk yang dijangka dibangkitkan oleh Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dalam perbincangannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok.

Duta Jepun ke Malaysia Masaki Konishi berkata beliau yakin perkara itu akan menjadi antara bahan perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu.

"Saya berani katakan bahawa perbincangan mereka bukan sekadar isu dua hala termasuk masa depan Dasar Pandang Ke Timur, tetapi juga isu antarabangsa seperti keganasan," katanya kepada Bernama di sini.

Koizumi, yang menyambut hari jadinya ke-60 semalam, dijadual tiba tengah hari esok untuk lawatan sehari sebagai sebahagian kunjungannya selama seminggu ke beberapa negara Asean.

Ini merupakan lawatannya yang pertama ke rantau ini sejak menjadi perdana menteri April tahun lepas. Beliau pada mulanya dijadual datang September lepas tetapi menangguhkannya ekoran serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept.

Dasar Pandang Ke Timur diperkenalkan pada tahun 1980an oleh Dr Mahathir semasa beliau mula menjadi perdana menteri agar pekerja Malaysia mencontohi etika kerja dan produktiviti rakan mereka di Jepun. Ribuan rakyat Malaysia telah dihantar ke Jepun untuk tujuan itu.

Konishi berkata Dasar Pandang Ke Timur telah membantu mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Selain menemui Dr Mahathir, Koizumi akan berbincang juga dengan anggota-anggota Alumni Dasar Pandang Ke Timur.

Konishi berkata lawatan Koizumi ke rantau ini menggambarkan semangat yang dikenali sebagai "Doktrin Fukuda" yang diilhamkan oleh bekas perdana menteri Jepun Takeo Fukuda.

"25 tahun lepas di Manila, Fukuda membuat ucapan bersejarah dengan menghuraikan dasar luarnya mengenai Asia Tenggara yang diasaskan kepada perkongsian sama rata dan hubungan dari hati ke hati," katanya.

Idea itu telah menghasilkan rasa persefahaman dan kepercayaan antara Jepun dan negara-negara Asia Tenggara, Konishi.

-- BERNAMA

AZZ HK AHH AU MAI